

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PUAN NORAINI BINTI JUSOH  
ADIGURU SERAMIK ATAP SINGGORA

OLEH:

SYAHIDA FARA NAJWA BINTI SULAIMI	2020492376
NORNADIA FAQIANI BINTI MAT JAEH	2020862728

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2022 – FEB 2023)

# PENGHARGAAN

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi dan segala puji bagi Allah S.W.T di atas limpah kurniaNya ke atas masa, nyawa dan tenaga yang dianugerahkan kepada kami untuk menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Di sini kami ingin mendedikasikan ucapan penghargaan kepada pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa binti Abdullah di atas tunjuk ajar dan tidak jemu memberi bimbingan kepada kami dalam menyiapkan transkrip ini. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada yang tidak terhingga kepada Puan Noraini binti Jusoh atau dengan panggilan mesranya Kak Ani atas kesudian beliau untuk berkongsi mengenai diri beliau serta maklumat berkenaan atap singgora. Ucapan penghargaan ini ditujukan juga kepada rakan-rakan sekelas yang turut memberi tunjuk ajar semasa menyiapkan tugas ini. Tidak lupa juga sokongan daripada ahli keluarga yang turut memberi sumbangan dari segi tenaga dan mental dalam proses penghasilan transkrip ini. Akhir sekali kami ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam menyiapkan tugas ini. Diharapkan agar transkrip ini dapat memberi manfaat dan menjadi sumber rujukan kepada generasi akan datang.

# **ABSTRAK**

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Transkrip ini mengandungi hasil temubual bersama Puan Noraini binti Jusoh yang merupakan Adiguru Kraftangan dari negeri Kelantan. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang kraf hasil tanah iaitu pembuatan seramik atap singgora. Temubual ini diadakan secara bersemuka oleh penyelidik bersama tokoh di bengkel pembuatan seramik atap singgora yang terletak di Kampung Pengkalan Baru, Bachok, Kelantan. Temubual ini mengandungi latar belakang, kerjaya awal dan terkini tokoh serta membincangkan topik berkaitan atap singgora. Atap yang berasal daripada Thailand ini diperbuat daripada tanah liat dan kemudian teknik pembuatannya telah tersebar ke Kelantan dan Terengganu. Atap singgora ini mendapat sambutan penduduk setempat sehingga kini terutamanya di kalangan pengusaha-pengusaha resort. Reka bentuknya yang menarik dan ringan serta kelebihan atap singgora ini yang mampu menyerap air dan juga kalis bunyi semasa hujan menjadi salah satu sebab mengapa ia unik berbanding atap lain. Sehingga kini, perusahaan atap singgora Kampung Pengkalan Baru merupakan satu-satunya yang masih terdapat di Malaysia. Oleh itu, transkrip ini bertujuan untuk memulihara pengalaman dan pengetahuan beliau tentang atap singgora yang telah dikongsikan.*

**Kata kunci:** *Kraf hasil tanah, atap singgora, temubual, Puan Noraini binti Jusoh, Kelantan*

# **ISI KANDUNGAN**

# PENGHARGAAN

Penghargaan	i
Abstrak	iii
Isi Kandungan	v
Biodata Tokoh	vii
Pengenalan	ix
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh	1
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan	5
Bahagian 3: Kerjaya Awal	7
Bahagian 4: Kerjaya Sebagai Tokoh Seramik Atap Singgora	9
Bahagian 5: Seramik Atap Singgora	22
Bahagian 6: Pendapat dan Harapan	37
Lampiran	
Log Wawancara	42
Diari Kajian	49
Senarai soalan	51
Surat Perjanjian	57
Gambar	59
Indeks	62

# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



<b>Nama Penuh</b>	:	Noraini binti Jusoh
<b>Nama Panggilan</b>	:	Mok Long, Kak Nik, Kak Ani
<b>Tarikh Lahir</b>	:	
<b>Tempat Lahir</b>	:	Kampung Pengkalan Baru, Bachok, Kelantan
<b>Alamat</b>	:	Bachok, Kelantan
<b>No. Telefon</b>	:	Pembuat Seramik Atap Singgora
<b>Profesion</b>	:	Kraftangan Hasil Tanah
<b>Bidang</b>	:	

# **PENGENALAN**

## PENGENALAN

Sejarah lisan merupakan merupakan satu kaedah di mana kenang-kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglihatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. Kraftangan ialah penghasilan peralatan berguna atau hiasan dengan menggunakan tangan sepenuhnya atau perkakas ringkas sahaja. Hasil kraftangan selalunya membawa kepentingan kebudayaan atau keagamaan. Penyelidik membuat kajian tentang hasil kraftangan iaitu Seramik Atap Singgora. Ini adalah ringkasan mengenai sejarah Seramik Atap Singgora. Pada asalnya atap singgora diperkenal dan dibawa masuk dari Singgora (Songkhla), sebuah wilayah di Segenting Kra, Selatan Thailand namun teknik pembuatannya telah tersebar ke Kelantan dan Terengganu. Sungai yang bertemu laut telah menghasilkan tanah liat yang terbaik isi mineralnya, menjadikan kampung tersebut mewah dengan perusahaan ini. Kandungan mineral tanah liat amat penting dalam menghasilkan kepingan atap yang bermutu. Atap singgora diperbuat dari tanah liat menjadi pilihan penduduk setempat pada awal tahun 60-an kerana reka bentuknya yang menarik dan ringan, ianya bersesuaian untuk struktur seni bina kayu. Kelebihan atap singgora yang bersifat poros mampu menyerap air hujan dan mampu menyejukkan suhu dalaman sesebuah rumah pada siang hari sekaligus menjadikan penghuni berasa nyaman dan selesa. Atap singgora mempunyai kelebihan jangka hayat yang lebih panjang berbanding atap organik yang cepat mereput dan mudah terbakar.

# **TRANSKRIP**

# **TRANSKRIP**

Rakaman ini berkisah tentang wawancara antara penyelidik bersama dengan Puan Noraini binti Jusoh berkenaan latar belakang, kerjaya beliau dan juga berkaitan dengan atap singgora. Beliau dilahirkan pada 5 Februari 1966 dan dilahirkan di Kampung Pengkalan Baru, Bachok, Kelantan. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang kraftangan hasil tanah iaitu seramik atap singgora. Puan Noraini telah dinobatkan sebagai Adiguru Seramik Atap Singgora pada tahun 2021. Sesi wawancara bersama Puan Noraini telah diadakan pada tarikh 21 Januari 2023 bertempat di bengkel pembuatan atap singgora iaitu di Kampung Pengkalan Baru, Bachok, Kelantan. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

SFN: Syahida Fara Najwa  
NNF: NorNadia Faqiani  
PNJ: Puan Noraini Jusoh

## **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG**

**SFN : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya Syahida Fara Najwa binti Sulaimi bersama rakan saya NorNadia Faqiani binti Mat Jaeh. Kami merupakan pelajar daripada UiTM [Universiti Teknologi Mara] Kampus Machang, Kelantan. Tujuan kami pada hari ini adalah kami ingin mewawancara puan mengenai diri puan, kerjaya dan juga berkaitan dengan atap singgora. Sebelum memulakan sesi kita pada hari ini, saya nak ucapkan terima kasih kepada puan kerana sudi meluangkan masa untuk kami mewawancara puan. Jadi, bagi mulakan sesi wawancara kita, kita mulakan dulu dengan latar belakang puan. Apakah nama puan?**

PNJ : Nama penuh- Bismillahirrahmanirahim (berdehem). Nama penuh Noraini binti Jusoh.

SFN : **Apakah nama gelaran puan yang biasa orang panggil?**

PNJ : Sini *kalu* [kalau] budak-budak Mok Long, kalau *ore tuo* [orang tua] Kak Nik. *Ho* [mengiyakan] *gitu* [begitu].

SFN : **Bilakah tarikh lahir puan?**

PNJ : *Lima hari bulan dua tahun enam puluh enam* [5/2/1966]

SFN : **Berapakah umur puan sekarang?**

PNJ : *Lima puluh tujuh* [57]

SFN : **Puan berasal dari mana?**

PNJ : Asal tempat *tu* [itu] sinilah [Kampung Pengkalan Baru, Bachok, Kelantan]

SFN : **Di manakah puan menetap sekarang?**

PNJ : Sekarang pun sini *jugok* [juga].

**SFN** : Berapakah bilangan adik-beradik puan?

**PNJ** : Adik-beradik *empat* [4] orang.

**SFN** : Puan anak yang ke?

**PNJ** : Pertama.

**SFN** : Apakah nama penuh ibu dan bapa puan?

**PNJ** : Ibu Che Jah Abdul Rahman. Bapa Jusoh bin Hussin.

**SFN** : Dari manakah ibu dan bapa berasal?

**PNJ** : Dari sekitar kampung sini juga.

**SFN** : Apakah nama suami puan?

**PNJ** : Bekas dahlah [Bekas suami]. Hasan Samad. Sekarang ni Kak Ani ibu tunggal.

**SFN** : (Jeda) (suara berbisik) Berapakah umur beliau?

**PNJ** : *Tujuh puluh satu* [71]

**SFN** : Dari manakah dia berasal?

PNJ : Dia asal Pasir Puteh [Kelantan].

SFN : Berapakah bilangan anak puan?

PNJ : Lima ore [5 orang].

SFN : Puan ada cita-cita masa sekolah dulu?

PNJ : Masa tu Kak Ani ingat Kak Ani darjah *tiga* [3]. Cikgu tanya hobi apa-- hobi kita, apa cita-cita. Kawan-kawan semua *royak* [beritahu] nak jadi cikgu, nak jadi polis *gapo* [ke]. Cikgu pun tanya, “Awak Noraini nak buat kerja apa?”. Kak Ani pun kata nak buat bata, nak kerja kampung. Jadi, Kak Ani *tok* [tidak] rasalah *hok* [yang] Kak Ani cita-cita tu *ado* [ada] sekarang. Dalam cita-cita Kak Ani kata masa darjah *tiga* [3] tu walaupun Kak Ani kata Kak Ani nak buat bata pun tapi bata *hok* [yang] Kak Ani buat *loni* [sekarang ini] tu *meme* [memang] dikenalilah. Jadi Kak Ani boleh membantu komuniti setempat *pah* [kemudian] Kak Ani sekarang ni melibatkan pelajar, orang persendirian yang minat seni. Jadi Kak Ani usaha Kak Ani boleh bantulah *belako tu* [semua itu] lah.

SFN : Adakah puan mempunyai idola yang diminati?

PNJ : Idola *mok ngey ayoh* [mak dengan ayah] lah!

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN**

**NNF** : Sekarang kita masuk ke bahagian pendidikan. Apakah pendidikan terawal puan?

**PNJ** : Terawal *gak* [Kalau pendidikan terawal], tadika *takdok dulu* [dahulu tadika tiada]. Darjah *satu* [1] sampailah tingkatan *lima* [5].

**NNF** : Apakah nama sekolah rendah puan bersekolah dahulu?

**PNJ** : Sekolah Kebangsaan Pengkalan Chengal [Kelantan].

**NNF** : Apakah nama sekolah menengah puan?

**PNJ** : Sekolah Menengah Kebangsaan Beris Kubur Besar [Kelantan].

**NNF** : Selepas tamat sekolah menengah, adakah puan menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi?

**PNJ** : Tidak. *Pakat setakat tu* [Hanya sampai tingkatan 5 sahaja].

NNF : Apakah mata pelajaran puan suka [minat] ketika sekolah dulu?

PNJ : Pendidikan Islam.

NNF : Bilakah puan menamatkan pengajian?

PNJ : Tahun 1983.

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL**

**NNF** : Baiklah. Seterusnya, kita akan menanyakan soalan berkenaan dengan kerjaya awal puan. Apakah pekerjaan mula-mula puan sebelum membuat atap singgora?

**PNJ** : *Takdok kijo* [Tidak bekerja], Kak Ani *dulu maso anok-anok mudo tu* [semasa Kak Ani remaja dahulu], *takdok kijo la mugo duduk dengan mok ayah key* [tiada kerja sebab tinggal dengan mak ayah kan]. Jadi *maso duduk dengan mok ayah tu meme kijo ni doh, jadi kito tolong dio lah* [Jadi semasa tinggal dengan mak ayah tu memang kerja buat atap singgora, jadi Kak Ani tolong mereka lah].

**NNF** : Berapa umur puan semasa mula-mula puan bekerja dulu?

**PNJ** : Bekerja *hok sambilan belajar tu dale sekolah menengah lagi* [Bekerja sambil belajar tu sejak sekolah menengah lagi]. Curi-curi buat bantu keluarga *pahtu* [selepas itu] *gak hok berkecimpung seterusnya tu selepas sekolah lah* [yang berkecimpung seterusnya itu selepas tamat tingkatan lima].

**NNF** : Puan ingat lagi tak nama tempat kerja?

**PNJ** : *Kijo sini lah, dale bengkel ni* [Kerja di sinilah, dalam bengkel ini]. Tapi *dulu* [dahulu] *bengkel ni* [ini] terletak di Kampung Tepi Sungai sebab zaman *dulu* [dahulu] *takdok* [tiada] jalan darat yang menghubungkan ke Kota Bharu. Jadi

semua perkhidmatan untuk pasaran guna jalan air ataupun laluan lain naik ke tebing sungai sana ataupun muat *motor laut* [perahu] naik ke pelabuhan Tumpat atau Kota Bharu *ko* [ke]. Jadi Tepi Sungai lah utama dulu, padat penduduk pun kawasan tu lah.

**NNF : Berapakah gaji yang puan dapat semasa mula-mula bekerja?**

PNJ : Mula-mula bekerja *dulu gak* [dahulu] *ayoh bui la dale-* [ayah bagi dalam-] *untuk belanja sekolah la dale empat puluh lima puluh seminggu* [untuk belanja sekolah anggaran RM40 hingga RM50 seminggu]. *Goni* [Kerja ini] *dia tidak gaji hari mace kito kijo kilang ko gapo* [ianya bukan gaji harian macam kita kerja kilang ke apa]. Apabila kita jual bata baru *buleh* [boleh] duit, *maso tu* [ketika itu] *arwah ni* [arwah ayah] bagi la *lima puluh ringgit* [RM50], *dulu ni besar lima puluh ni* [zaman dahulu besar nilai RM50 ni]. Itulah untuk belanja belanja sekolah.

**NNF : Selain pekerjaan itu, puan ada lagi tak bekerja di mana-mana?**

PNJ : *Takdok* [Tiada].

**TAMAT BAHAGIAN 3**

#### **BAHAGIAN 4: KERJAYA SEBAGAI TOKOH SERAMIK ATAP SINGGORA**

**SFN : Kita beralih pula dekat soalan berkenaan kerjaya puan sebagai pembuat atap singgora. Jadi, pada tahun bilakah puan mula buat atap singgora?**

**PNJ : Dari *hok* [yang] masa arwah ada ni, Kak Ani bersama dengan arwah. Tahun 2007 arwah ayah meninggal, Kak Ani bersama mak sebab mak Kak Ani ni dia *takde* [tidak ada] pendedahan dengan pelajaran orang tua *jamey ritu key* [zaman hari itu kan]. Jadi apabila ada apa-apa pun Kak Ani lah tempat dia-- untuk kalau ada lawatan apa Kak Ani lah yang untuk *handle* [urus] tu. *Lepahtu* [Selepas itu] arwah mak meninggal 2016. Dari 2016 tu lah Kak Ani ambil sampai sekarang bersama dengan adik-adiklah. Kalau istilah kilang-kilang biasa *gak* [itu], Kak Ani penguruslah tapi *kalu* [kalau] bagi kita orang kampung ni sama taraf sama *level* [tahap] *je* [sahaja].**

**SFN : Apakah perkara yang mendorong Kak Ani untuk menceburi dalam bidang kraftangan ini?**

**PNJ : Sebab pekerjaan kita *doh* [dah]. Kak Ani tengok masa dulu tahun *enam puluh enam* [1966] tu Kak Ani dilahirkan tu orang-orang tua bercerita kata masa tu kemuncak. Yang dikatakan kemuncak tu semua kawasan sini [Kampung Pengkalan Baru] berhampiran tepi sungai sini semua ada kilang bata, atap bata ni. (suara kanak-kanak bercakap) Jadi dari sejarah *ore tuo-tuo royak dale* [orang tua-tua beritahu dalam] 40 buah. *Lepahtu* [Selepas itu], tahun 1966 tu agak menurun dahlah sebab ekonomi Malaysia berubah. Masa tahun 70-an, penanaman tembakau diperkenalkan di Bachok. Proses untuk membuat bata ni mengambil masa secepat-**

cepatnya tiga [3] bulan kalau kita dapat hasil. *Pah* [Kemudian] melibatkan *ore* [orang] tak sempat kalau kita suami isteri untuk sampai target yang lebih cepat. *Mace* [macam] kita kata kalau kita nak 20 000 keping, tak sempatlah kita menggunakan tenaga orang lain *jugok* [juga]. Apabila dikatakan penanaman tembakau tu, kita boleh bekerja dengan keluarga. Kita boleh tanam tembakau dapat duit dengan cepat. Jadi, perubahan situ beralihlah mana-mana disebabkan ekonomi Malaysia berubah untuk penggunaan bata atap ni, *takdok ore hok* [tiada orang yang] minat dahlah sebab nak tukar kepada atap-atap yang baru *mace* [macam] zink, ardex [jenis atap] apa tu. Jadi, satu demi satu terkuburlah batu atap ni-- bengkel tu. Disebabkan Kak Ani ni *lebah pada* [selepas daripada] arwah *tok* [nenek] ni mak ambil. Mak dengan ayah ada lagi kita ada tempat [bengkel pembuatan atap singgora], ada bahan mentah. Jadi masa tahun tujuh puluh tiga [1973], arwah ayah Kak Ani pindah dari tepi sungai ke tempat sekarang [Kampung Pengkalan Baru, Bachok, Kelantan]. Masa baru-baru pindah tu adalah 2-3 butir [2 hingga 3 buah] bengkel yang *tumpey* [tumpang], *turut mari kijo* [juga datang kerja] kawasan ni *buko* [buka] tapi disebabkan kedua-duanya tu *takde* [tidak ada] pelapis, jadi sampai setakat ayah dengan mak dia *jah* [sahaja]. Disebabkan *tok* [nenek] Kak Ani meninggal, ayah dengan mak ada. *Lepah pada* [Selepas daripada] arwah mak dengan ayah ada, Kak Ani ada [pewaris perusahaan atap singgora]. *Haa* [mengiyakan] Alhamdulillah adik-adik ni ada, Kak Ani pun ada. *Lepah tu* [Selepas itu], masa tahun 2002, arwah ayah dapat projek di Taman Mini Malaysia, Ayer Keroh, Melaka. Jadi, dari situlah perusahaan bata ni sampai ke hari ini.

SFN : Soalan seterusnya, apakah prinsip hidup yang Kak Ani terapkan dalam kehidupan sehingga kini?

PNJ : Prinsip ni *gak* [pun] bekerja kuat. *Jangey* [jangan] takut kepada cabaranlah.

SFN : Dari manakah Kak Ani belajar cara membuat atap singgora?

PNJ : Dari mak dengan ayahlah.

SFN : Adakah ada di antara ahli keluarga Kak Ani yang lain yang mahir membuat atap singgora?

PNJ : Ada, adik-adik ada. *Anok* [anak] pun boleh.

SFN : Adakah Kak Ani mempunyai bengkel sendiri untuk buat atap?

PNJ : *Takdok* [tiada]. Ambil *hok* [yang] arwah ayah. Arwah ayah tinggal pakai ambil *hok* [yang] tu.

SFN : Boleh puhan beritahu berapa anggaran wang modal yang diperlukan untuk tubuhkan bengkel ini?

PNJ : Dulu disebabkan penggunaan atap untuk membuat bengkel ni guna atap rumbia. Cuma dulu atap rumbia dia dekat dengan sungai. Jadi untuk nak ambil atap pun *mudoh* [mudah], masa untuk nak proses atap jadikan penutup ni arwah mak ni buat sendiri. Untuk kos tu Kak Ani rasa tak begitu *banyak* [banyak] sebab kayu-kayu

*hok* [yang] untuk struktur bangunan ni cuma guna buluh ataupun batang nibung. Semuanya *free* [percuma]. Jadi kos dia tidak kata melibatkan puluh-puluhan ribulah. Kak Ani rasa *dale seribu dua gitulah* [dalam RM1 000 hingga RM2 000 begitulah]. *Pahtu* [Selepas itu], kalau banyak *hok dok* [yang tidak] perlukan duit mula-mula penubuhan ni nak buat *gok* [bengkel], kita akan proses nak buat batu-bata susunan dia *hok* [yang] ni yang penting. Kalau kos sekarang, kayu mahal sebab bata-- Kak Ani dulu dapat geran dari Kraftangan Malaysia. Dulu Kak Ani guna atap rumbia dia punya penutup ni (sambil menunjukkan kawasan atap bengkel). Jadi tahun *sembilan puluh* [1990] Kak Ani dapat *tender* [tawaran untuk melakukan pekerjaan atau menyediakan barang atau perkhidmatan untuk harga tertentu] dari Kraftangan Malaysia nak bagi bengkel yang terbaik ke Kak Ani. Jadi dia *pikir-pikir* [fikir-fikir] kalau letak penutup zink, dia akan mudah reput sebab melibatkan asap api ni. Dari pemantauan *pok-pok dio* [puak-puak dia], dia guna batu atap ni. Jadi kalau sekarang ni untuk bengkel ni *sajo* [sahaja] dah *tujuh puluh ribu sekarey* [RM70 000 sekarang] tak termasuk dengan dia punya serta dapur [tempat pembakaran atap singgora] sebab dapur dia dah ada. Jadi *kalu* [kalau] dulu kemungkinan dalam *dua ribu je* [RM 2 000 sahaja]. Kemungkinan lebih kurang sebab semuanya *free* [percuma]. Tenaga manusia dulu bukannya macam sekarang. Dulu sebab kita *banyak* [banyak], bengkel ni *banyak* [banyak]. Harini macam dalam minggu ni ke bulan ni, kita nak baiki kita punya bengkel. *Cumo* [Cuma] istilah *ore* [orang] dulu *minjey* [pinjam]. *Minjey* [Pinjam] ni bermakna kalau kita nak buat bengkel kita, kita *ajok* [ajak] dia [pekerja], jamu *makey gapo* [makan apa], dia buat dengan *free* [percuma], tidak upah istilah dulu. Tapi sekarang ni *dio kiro mace* [dia kira macam] buat bangunan, buat *rumohlah kiro* [rumahlah kira] harilah. Dulu dengan sekarang ni lain. Perbelanjaan dulu tidak *banyak* [banyak].

SFN : Soalan seterusnya, adakah Kak Ani mempunyai tenaga pekerja yang membantu (bunyi kereta) untuk membuat atap ni?

PNJ : *Ho* [mengiyakan] *meme* [memang] lah sekarang ni tapi kalau masa arwah mak ada dulu Kak Ani ada pekerja dalam *sepuluh* [10] orang. *Pahtu* [Selepas itu], untuk dia punya melumatkan tanah *suku* [asing], untuk pekerja *hok* [yang] tekap bata *press* [tekan] buat *tubik* [keluar] kepingan tu lain, untuk *hok* [yang] kerja pembakaran ni lain tapi sekarang ni disebabkan Kak Ani perhati tiap-tiap dalam pemantauan (bunyi motosikal) Kak Ani bawah Kraftangan Malaysia dari segi batik, perak-- apa-apa pun yang melibatkan sekarang ni pekerja. Kalau Kak Ani ada masalah pekerja pun (bunyi kertas diselak) sebab kat lain pun banyak masalah pekerja tak dapat memenuhi permintaan untuk bekerja. Jadi sekarang ni Kak Ani ada cuma untuk *full time* [sepenuh masa] (bunyi motosikal) dalam *empat ore* [4 orang] tak termasuk Kak Anilah. Jadi untuk *full time* [sepenuh masa] tu tiga [3] *hok* [yang] bahagian tekap buat bata, satu [1] bahagian jaga mesin menguli. Kak Ani adik-beradik ni selepas *demo* [mereka] proses, *demo* [mereka] buat tu, *demo* [mereka] tinggal balik Kak Anilah urus untuk jemur, buat dia mampat apa. Pekerja ni cuma buat *saje* [sahaja]. *Lepah pada* [Selepas daripada] dia buat dari *sembilan* [9] pagi sampai pukul *dua helas* [12] tengahari dia baliklah. Dalam pada tu Kak Ani dengan keluargalah uruskan untuk sebaik mungkin. Untuk pembakaran, Kak Ani guna ramailah orang. Masa ambil bata *kat* [di] luar nak bawa masuk dalam dia punya dapur *pahtu* [selepas itu] untuk *jago* [jaga] api macam ni (sambil menunjukkan kayu yang sedang dibakar untuk proses pembakaran atap singgora) kalau macam ni tak perlu orang ramai. Kalau pembakaran dalam *lima belas* [15] hari bakar, *sepuluh* [10] hari api kecil macam ni. Yang dimaksudkan api kecil api macam ni. Kalau kita kemas-kemas nak pergi mana- nak gi makan gulai nak *gapo* [apa] Kak

Ani boleh tinggal. Kalau api besar, dalam masa selepas daripada *sepuluh* [10] hari tu, *hok tu tokleh* [yang itu tidak boleh]. *Hok tu* [Yang itu] kena betul-betul jagalah sebab api tu dia kena jaga berterusan, dia *maintain* [kekal] dia *toksey* [tidak mahu] lah kalau api tu naik ke *seribu darjah Celcius* [1000°C] *pah* [kemudian] kita tinggal pergi mana turun *lima ratus* [500°C]. Jadi pekerja tu sekarang ni *hok* [yang] buat hari-hari dalam *empat ore* [4 orang], masa pembakaran ni Kak Ani perlulah dalam *dua tiga empat ore* [2 atau 3 hingga ke 4 orang]. Kalau untuk nak buat masuk bata nak isi dalam dia punya dapur tu lebih daripada *sepuluh* [10] orang. Kadang-kadang je tu tapi *hok full time* [yang sepenuh masa] *empat* [4] orang *je* [sahaja].

**SFN : Kalau ahli keluarga Kak Ani pula berapa orang?**

PNJ : Kalau keluarga Kak Ani-- Kak Ani, adik ipar. *Empat* [4] orang semua

**NNF : Adakah puan pernah berkongsi pengalaman dan kerjaya puan dengan mana-mana media sebelum ini?**

PNJ : Pertama kalinya, dulu ada satu arkitek dari Terengganu, Raja Kamarul Bahrin tu dia YB [Yang Berhormat] Kuala Terengganu. Jadi dia ada Ariani Resort dia guna bata ni lah untuk bina resort dia tu. Jadi oleh kerana keprihatinan dia, dia dapatkan akhbar, wartawan -- pelajar sekolah, peminat-peminat warisan datang sini bawah anjuran DIGI, datang sini dia suruh *demo ni* [mereka] buat liputan dalam tahun 90an, dari situlah pertama kali Kak Ani masuk *dale* [dalam] media surat khabar. *Lepah pado* [Selepas daripada] surat khabar akhir tahun 90an tu bermulalah

dengan siaran TV bermacam-macam siaran. Kak Ani rasa dalam siaran TV di Malaysia ni hampir lapey puluh peratus [80%] *doh* [dah] Kak Ani ni. Dari situlah Kak Ani bersama media, jadi dengan adanya dari media tu sampai sekarang ni hola [begitulah] nak kata *top ten* [top 10] tu tak jugak lah [pelajar dan Kak Ani ketawa kecil] *lebah pada top five* [melepassi top 5] lah.

**NNF : Adakah puan pernah dipanggil oleh mana-mana pihak untuk menunjukkan demonstrasi cara pembuatan atap singgora?**

PNJ : *Hoktu Kak Ani baru duduk bowoh kraftangan jadi Kraftangan Malaysia lah pernah bawa Kak Ani di Kraftangan Kelantan, kalu Kraftangan Kelantan sekitar bandar Kota Bharu jah* [Kak Ani baru berada di bawah kraftangan jadi Kraftangan Malaysia pernah bawa Kak Ani ke Kraftangan Kelantan, Kraftangan Kelantan terletak sekitar bandar Kota Bharu sahaja]. *Jadi tahun 2012 nga Kraftangan Kelantan* [Jadi tahun 2012 dengan Kraftangan Kelantan]. Tahun 2013 dengan Kraftangan Malaysia di Pejabat Kraftangan Malaysia di Jalan Conlay. *Pah [Kemudian]* tahun 2014 Kak Ani terima anugerah Tukang Ulung. *2015 demo kawase Kota Bharu* [Tahun 2015 buat demonstrasi di Kawasan Kota Bharu]. Tahun 2017 Kak Ani terlibat dengan *demo* [demonstrasi] kerabat Diraja di Kelantan di Kota Bharu di Pejabat Jubli Perak tu *pahtu tahun lebah* [selepas itu tahun lepas], awal tahun lepas Kak Ani terlibat dengan pameran di Kelantan SJ. [pelajar mengangguk] *Lepahtu* [Selepas itu] bulan *duo belas* [12] tahun lepas Kak Ani terima anugerah Adiguru dari Kraftangan Malaysia.

SFN : **Tahun 2022 kiranya?**

PNJ : Ya, 2022. Eh bukan-- 2021.

NNF : **Ohh [mengangguk]. Boleh puان kongsikan apakah perasaan puان dan reaksi keluarga setelah puان mendapat gelaran Adiguru? (bunyi kertas)**

PNJ : *Suko lah* [Gembiralah]. (semua ketawa kecil)

NNF : **Adakah puان pernah menerima anugerah lain selain daripada gelaran Adiguru? (bunyi motosikal)**

PNJ : Dari kraftangan *jah* [sahaja] cuma dari Kelantan SJ tu Kak Ani dapat Sijil Kelantan SJ dengan Persatuan Guru-guru di Malaysia (bunyi kicauan burung). Dia bergabung buat pameran di River View, masa tu Kak Ani dapat sijil tu setahun *lepas tu* [selepas itu] diberi penghargaan dapatlah *seribu sore* [RM1000 sorang]. (bunyi motosikal)

NNF : **Adakah puان pernah ditemu bual oleh mana-mana pelajar yang membuat kajian mengenai atap singgora ini?**

**PNJ** : Tu ramailah pelajar *kalu* [kalau] biasanya pelajar UMK [Universiti Malaysia Kelantan] paling ketara, politeknik ada, UiTM [Universiti Teknologi Mara] Seri Iskandar, UM [Universiti Malaya], dari IPTS [Institusi Pengajian Tinggi Swasta] banyaklah.

**SFN** : **Baru-baru ini pun ada?**

**PNJ** : Ni *duk tengoh* [sekarang tengah] *handle* [urus] pelajar UMK [Universiti Malaysia Kelantan], UMK dalam minggu lepas *duo* [2] kumpulan dan sekarang ni pun tanya lagi *bila buleh mari pulok* [bila boleh datang pula]. *Kak Ani oyak Kak Ani tok sihat dan kenduri cumo 2 hari dalam minggu ni hok takdok kenduri, hari Selasa hari Rabu* [Kak Ani bagitahu yang Kak Ani tak sihat dan ada kenduri, tetapi hanya 2 hari dalam minggu ini yang tiada kenduri iaitu hari Selasa dan Rabu]. *Kak Ani oyak kalu untuk demo nok tengok demo tu Kak Ani tok tahu sebab Kak Ani oyak ko pekerja cuti untuk seminggu ni* [Kak Ani bagitahu kalau untuk demonstrasi nak tengok demonstrasi tu Kak Ani tidak pasti sebab Kak Ani bagitahu pekerja cuti seminggu]. Masalah hari Selasa dan Rabu tu *tok tahu demo nok masuk kijo ko dok* [tidak tahu pekerja datang kerja atau tidak]. Cuma *kalu* [kalau] untuk *interview* [temubual] tu okay bila-bila masa *je* [sahaja].

**NNF** : **Adakah terdapat pihak media yang datang untuk meminta puan menunjukkan demonstrasi cara membuat atap singgora?**

PNJ : Ya, *selalulah* [sentiasalah] tu.

NNF : **Adakah puan pernah menerima bayaran untuk mengajar siapa-siapa yang berminat untuk membuat atap singgora ini? (bunyi kereta)**

PNJ : Bayaran tu *takdoklah* [tiadalah] sebab kalau *hok* [yang] datang bengkel la, kalau dari pemantauan Kak Ani, Kak Ani *join* [sertai] dengan Kraftangan Malaysia Kak Ani tanya dari *hok* [yang] buat pasu buat batik mana-mana Universiti, mana-mana pelajar Universiti yang masuk samada temubual samada *demo* [demonstrasi] asal apa-apa, apabila masuk kawasan dia akan kenakan bayaran. Masa dulu-dulu *lima belas ringgit* [RM15] seorang. Tapi Kak Ani *tok* [tidak] pernah terima bayaran sebab untuk pelajar Universiti. Sebab untuk kos dia *handle* [urus] dalam Universiti pun *tok* [tidak] cukup doh [dah]. Apabila *kalu* [kalau] Kak Ani *ambil* [ambil] *lima belas* [RM15] sorang *tok* [tidak] selesai lagi hari ini, esok mari *lima belas* ya [RM15] *pulok* [pula]. Jadi membebankan pelajar, jadi Kak Ani *ambil* [ambil] kalau ada jugak *hok* [yang] individu tu atas-atas individu lah, jadi untuk caj bayaran tu Kak Ani *tidak* [tidak] *limit* [terhad]lah. Jadi rata-rata kawan Kak Ani, sahabat *hok* [yang] masuk sama-sama dalam Kraftangan dari batik dari Perak dari seramik macam Kak Ani pun, dia kata *tok* [tidak] berbaloi kalau kita *tok ambik* [tidak ambil] bayaran. Tapi Kak Ani ingat semua ini anugerah Tuhan, sebab rezeki, suara *gapo* [ke] kepandaian kita *gapo* [ke] semua dari anugerah Tuhan. Segala-segala yang Kak Ani buat tu ingat amalan untuk Allah lah.

NNF : Boleh puan kongsi sedikit pengalaman manis masa puan menceburi bidang ini?

PNJ : Manis manis *sokmo* [sentiasa] *asal jual bata ado pitih* [kalau jual bata ada duit] manislah. (pelajar dan Kak Ani ketawa kecil) Jadi semasa Kak Ani ambil dari arwah ayah dan arwah mak dari 2016 ni, *takdoklah* [tiadalah] Tuhan cuba uji Kak Ani dengan benda-benda pelik. Pernah satu kali tu waktu maghrib, Kak Ani *duk tengoh* [tengah] bakar api besar jadi rancangan api besar tu hari ketiga *doh* [dah] jadi ia *lima* [5] hari. Jadi apabila hari ketiga nak masuk hari keempat, pokok kelapa tu tumbang cuma Allah lindungilah tidak kena semata-mata. Pokok kelapa cuma kena daun *jah* [sahaja]. Jadi jatuh *jugoklah* [jugalah] bata tu. Dengan cubaan Tuhan buat gitu Kak Ani *dei* [sempat] menyelamatkan sebab apabila *out* [rosak] dalam kepingan dalam ni Kak Ani akan rugi *belako* [semua]. Jadi masa tu Alhamdulillah Kak Ani terpelihara lagi lah. Tapi *cubaan* [ujian] *hok* [yang] berat-berat dari segi orang ber hutang *takdok* [tiada]. Masa arwah ayah *mulo* [dulu] *ore* [orang] ambil ber hutang, *masa dia meninggal tu dei lagi ore tok bayar hutang dia dale tigo belas ribu* [masa arwah meninggal masih ada lagi orang yang tak bayar hutang dalam anggaran tiga belas ribu [RM13 000]. *Pahtu tapi dale masa Kak Ani ni Alhamdulillah, Kak Ani doa jugok la dengan Tuhan sebab takut jugok kito nego mugo kito tidak kenal individu mana-mana sebab kito tok tahu demo nego caro mano* [Selepas itu tapi dalam masa Kak Ani ni Alhamduillah, Kak Ani berdoa juga dengan Tuhan sebab takut juga kita meniaga sebab kita tidak kenal siapa pelanggan dan tidak tahu cara mereka berurusan macam mana]. Sebab pelanggan ni dia *order* [tempah] *kat* [dengan] kita tu baru kita berkawan dengan dia. Kita *tok* [tidak] tahu cara dia tapi Alhamdulillah Tuhan *tok bui* [tidak bagi] lah Kak Ani lagi masalah

hutang, masalah karenah *customer* [pelanggan] pun. Sekarang ni lagi senang sebab Kak Ani ada *FB* [Facebook], apabila *demo* [mereka] cari *nombor talipon* [nombor telefon] Kak Ani, “*hello, nok bata*” [Hello, nak tempah atap] *ho* [mengiyakan] Kak Ani pun isi dalam tong tu *kalu banyak Kak Ani gi atar sendiri* [kalau banyak Kak Ani pergi hantar sendiri]. *Kalu sikit Kak Ani guno transport lori hok muat barang key* [Kalau sedikit Kak Ani guna kenderaan lori yang muat barang kan]. (bunyi motosikal)

**NNF : Apakah perancangan puan terhadap perniagaan atap singgora ini pada masa akan datang? (suara orang menyampuk)**

PNJ : *Rancang sedak bena kito* [Rancang sedap sangat kita]. (pelajar dan Kak Ani ketawa kecil) Untuk perancangan, masalah sekarang ni masalah pekerja jadi *kijo* [kerja] *ni* [ini] agak rumit *sikit ni nok cari ore kijo ni* [sedikit ini nak cari pekerja]. Jadi sekarang *ni demo kato keno* [ini mereka kata kena] cari warga asing, tapi warga asing melibatkan VISA *apo* [apa] permit *payoh pulok* [payah pula]. Jadi perancangan Kak Ani *kalu buleh nok* [kalau boleh nak] penggunaan mesin. Kalau dapat mohon dari agensi kerajaan atau mana-mana yang boleh bagi mesin. Sebab baru ini Kak Ani dapat geran dari UMK [Universiti Malaysia Kelantan], kalau UiTM [Universiti Teknologi Mara] nak bagi geran pun Alhamdulillah *jugok* [jugak]. (Kak Ani ketawa) Tolong uar-uarkan kepada UiTM lah. Kalau ada boleh geran *tu* [itu] lah penukaran daripada masalah pekerja kepada penggunaan mesin lah. *Pahtu* [Selepas itu] harapan pada kerajaan untuk membantu sebab kita IKS

[Industri Kecil dan Sederhana] ni- macam peniaga IKS [Industri Kecil Sederhana] ni orang panggil katak bawah tempurung. Kalau *tok buko* [tidak buka] *tempurung* *tok jupo lah katok tu lagutu lah* [tidak akan jumpalah kata itu, begitulah] sebab *kito ni duk di pedalaman duk di kampung-kampung* [kita ini tinggal di pedalaman di kampung-kampung]. Jadi kalau *takdok* [tiada] pendedahan dari kerajaan--- *tapi* [tetapi] sekarang *ni* [ini] Alhamdulillah Kak Ani ni *duk* [duduk] bawah Kraftangan, bawah UMK [Universiti Malaysia Kelantan], bawah Tourism Malaysia. Jadi salah satu semua ni ada dalam majalah. Kalau *demo* [mereka] prihatin, *demo buko demo napok mano letoknya* [Kalau orang baca majalah, baru orang akan tahu pasal kraftangan]. Jadi harap *ko* [dekat] Kak Ani *ni* [ini] Alhamdulillah ramai peminat warisan, *hok* [yang] mana-mana *mari* [datang] dari Kuala Lumpur dari mana-mana pun dia *oyak* [bagitahu] minat warisan.

#### TAMAT BAHAGIAN 4

## BAHAGIAN 5: SERAMIK ATAP SINGGORA

SFN : Seterusnya, kita nak tanya soalan-soalan yang berkaitan dengan atap singgora ni. Kak Ani boleh bagitahu tak apa itu maksud Singgora?

PNJ : Singgora tu sebab dulu Songkhla di Thailand. Masa dulu YB [Yang Berhormat] Terengganu *mari* [datang] perkenalkan kepada wartawan tu cuma orang sini panggil atap bata *jah* [sahaja]. Dia pun tukar nama saintifik jadi *gak* [pun]- *loni* [sekarang ini] kalau Kak Ani pergi mana-mana pun artis Singgoralah orang panggil. Tu pun dia adalah [Yang Berhormat Terengganu] yang bagi nama singgoranya-- baru *jah* [sahaja]. *Bukeynya* [Bukannya] asal- asal dulu kalau mana-mana [sesiapa] nak *order* [memesan] bata pun dia panggil bata atap *jah* [sahaja]. Jadi tahun 90-an tulah, Raja Kamarul Bahrin [ahli politik dari Terengganu] perkenalkan- nak masuk dalam *item* [perkara] dalam majalah tu *seney* [senang] bata atap singgora. Sekarang ni pun kalau Kak Ani pergi mana-mana selebriti Singgora [gelaran Kak Ani yang dipanggil oleh penduduk setempat] (ketawa kecil).

SFN : Maksudnya atap singgora ini berasal daripada Thailand?

PNJ : *Haa* [mengiyakan] Thailand sebab dulu Malaysia dengan Thailand *takde* [tidak ada] sempadan. Di Segenting Kra [Selatan Thailand] tu termasuk dengan Narathiwat, Pattani, Yala. Jadi *tiga* [3] daerah tu adalah pembuatan bata atap. Jadi dulu *ore klate* [orang Kelantan] ni *takdok* [tidak ada] kerja, pendapatan tetap dia gi cari kerja kat sana. *Jupo* [Jumpa] lah dengan orang *alik sano duk wak kijo ni* [belah sana yang buat kerja ini]. Jadi *hok* [yang] arwah-arwah orang dulu orang

kampung ni tu *try* [cuba] *kelik* [balik] buat di kawasan Bachok. Buat di Kawasan Bachok tu berjaya. Apabila berjaya dari *so-so* [satu-satu] tumbuh, (bunyi motosikal) tubuhnya bengkel ni. Kalau dulu orang panggil Perkampungan Singgora tapi *mugo* [kerana] sekarang ni pernah Khazanah Nasional [dana kekayaan berdaulat Kerajaan Malaysia] Malaysia mari [datang] suruh Kak Ani buat Perkampungan Singgora. *Payoh* [Susah] nak urus sebab Kak Ani kena ada pengurusan dapur [tempat pembakaran atap singgora] ni. Dapur ni calang-calang orang boleh buat sebab kalau tak pandai buat dia punya susunan serta hidung dia panggil ni akan tak masak bata.

**SFN : Adakah atap singgora ni hanya terdapat dekat Kelantan?**

PNJ : Dulunya di Kelantan tapi ada juga di Besut, Terengganu. Tapi tak lama *belakonya* [semuanya]- dalam tahun 70-an semuanya pakat gulung tikar *belaka* [semua].

**SFN : Apakah kegunaan atap ini?**

PNJ : Kegunaan untuk bumbung rumahlah. Masa tahun 60-an, kalau orang guna bata atap bermakna dia tu orang bangsawanlah orang ada *pitih* [duit]. Kalau orang-orang miskin dulu sini guna atap rumbia. *Pah* [Kemudian] tahun 70-an, ekonomi Malaysia berubah jadi penggunaan bata atap ni permintaan tidak tinggi mana. Dari situlah mulanya bengkel ni satu demi satu lenyap.

**SFN** : Atap ni boleh pasang pada seni bina kayu je ke?

**PNJ** : Sekarang ni penggunaan besi pun ada. Contohnya macam Kak Ani buat di wakaf tu.

**SFN** : Adakah atap ini mempunyai satu reka bentuk sahaja?

**PNJ** : *Banyak* [Banyak] masa tahun 2002 tu- Kak Ani pun silap juga tak tahu dia punya acuan. 2002 tu, salah satu dari kontraktor di Melaka dapat *tender* [tawaran untuk melakukan pekerjaan atau menyediakan barang atau perkhidmatan untuk harga tertentu] dari rumah-rumah negara Asia- *pembikinan* [pembuatan] rumah di Taman Mini Malaysia, Ayer Keroh [Melaka]. Nak buat rumah Melayu penggunaan bata dari *sample-sample* [contoh-contoh] rumah ibadat di negara Laos, Myanmar, Kemboja. Jadi berbagai reka bentuklah--- (bunyi nada dering telefon) *Sorry* [Maaf] (menjawab panggilan).

**SFN** : Berkenaan dengan ukuran---

**PNJ** : Masa tu (bunyi motosikal) dia bagi berbagai bentuklah. Bentuk ekor dia ada jenis, sekarang ni ada ekor dia runcing *dok* [kan], ada *hok takdok* [yang tidak ada] ekor *hok* [yang] *straight* [lurus], *ado hok* [ada yang] ekor macam sisik ikan dia punya ekor dia tu. Jadi bukey [bukan] *satu* [1] jenis sahajalah. Tapi sekarang ni ada *dua* [2], *satu* [1] untuk atap, *satu* [1] untuk perabung [puncak bumbung rumah] atas dia punya melengkung.

**SFN** : **Adakah atap ini mempunyai saiz yang berbeza-beza?**

**PNJ** : Saiz tu atas permintaan tapi sekarang ni Kak Ani tak buat, Kak Ani buat saiz biasa. (bunyi kanak-kanak menjerit) Masa tahun 80-an, saiz besar sekali [besar], yang pertengahan [sederhana], yang kecil [kecil]. Yang kecil yang macam sekarang ni. Tapi sekarang ni Kak Ani (suara orang memanggil) buat *hok* [yang] biasa *jah* [sahaja] sebab permintaan pun ramai *hok* [yang] biasa.

**SFN** : **Kebiasaanmu, selain untuk rumah apakah seni bina lain yang guna atap ni?**

**PNJ** : Sekarang ni resort, (bunyi motosikal) gazebo. Kebanyakannya untuk gazebolah, tempat letak kereta, resort.

**SFN** : **Atap ni dia ada saiz? Lebar dia?**

**PNJ** : Saiz Kak Ani buat sekarang *sepuluh* [10] inci panjang, *lima* [5] inci lebar.

**SFN** : **Apa kelebihan atap singgora ni?**

**PNJ** : Kelebihannya Kak Ani ingat dari peminat-peminat *warisey* [warisan], antik, unik, sejuk. Yang utama sekali sejuk. Kalau musim kemarau pun sesuailah. (bunyi kanak-kanak menangis)

**SFN** : **Kalau hujan, bunyi dia tak kuat?**

PNJ : *Haa* [mengiyakan] bunyi dia tak kuat- tak bunyilah. *Tidak* [tidak] macam zink lah. (suara menyampuk)

**SFN : Atap ni berapa lama dia mampu bertahan?**

PNJ : Kalau *takdok* [tiada] musuh-musuh, musuh *dio* [dia] masa dulu itik serati tu tapi serati sekarang orang panggil Muscovy [itik serati] *hok* [yang] besar *tok rok nok terbey* [tak larat nak terbang]. Sekarang ni musuh dia kucing, kalau dekat kampung bukit-bukit *gak* [pula] kero [kera], kalau kawasan tu *musey* [musang]. Kalau *takdok* [tidak ada] musuh tu, kebanyakan Kak Ani tengok tu *tuey rumoh punyo rumoh* [tuan rumah punya rumah] tu meninggal dah, rumah tu ada lagi-bata tu ada lagi.

**SFN : Boleh Kak Ani kongsi cara nak jaga atap ni bagi kekal lama?**

PNJ : Kekal *lamo takdok gapo* [lama tidak ada apa] jaga tulah musuh *sakni* [tadi]. Tak pun pohon-pohon kayu dekat-dekat rumah tu. Jangan ada pohon kayu dekat rumah sebab ada ranting-ranting dia tu kan akan jatuh atas dia punya atap tu.

**SFN : Kalau dari segi harga pula, Kak Ani tetapkan macam mana bagi sekeping?**

PNJ : Sekeping tu sekarang ni *satu ringgit* [RM1] untuk di kilang. Kalau orang hantar harga lain *puloklah* [pulalah].

NNF : **Apakah bahan-bahan lain yang digunakan untuk membuat atap ini?**

PNJ : *Takdoklah* [Tiadalah]. Tanah liat dan air. Cuma sekarang ni Kak Ani guna garam sebab air masin dari laut *tok* [tidak] dapat masuk ke kawasan Kak Ani sekarang ni sebab *takdok* [tiada] pemisahan air antara air tawar dengan air masin. Jadi *dulu* [dahulu] kalau musim banjir bulan *duo belas* [12] bulan *sebelas* [11] tu air masin akan masuklah ke kawasan sawah tu. Selagi kuat masin air laut itu selagi tulah kuat *dio* [dia] selagi kukuh lah. Kalau belajar *loni gak* [sekarang ini] pH alkali tu semakin tinggi garam tu semakin lah kukuh kualiti tu *comel lah* [eloklah].

SFN : **Jadi bahan dia tanah liat, garam dan air?**

PNJ : *Ho* [mengiyakan] tanah liat, garam dan air.

NNF : **Untuk bahan-bahan membuat atap singgora, adakah Kak Ani cari sendiri ataupun Kak Ani mempunyai pembekal tetap?**

PNJ : Cari sendiri.

NNF : **Ohh [mengangguk]. Boleh Kak Ani namakan peralatan serta fungsi alat yang Kak Ani gunakan untuk membuat atap singgora?**

PNJ : Alatan ialah dia punya acuan, *pah* [selepas itu] penggerat, kekuda untuk letak bata tu *pahtu* [selepas itu] dia punya jangka [pengetuk] tu kecil *jah* [sahaja] untuk nak baiki dalam acuan tu kalau ketebalan kalau nak nipis nak tebal, kita gunalah jangka tu. (bunyi suara kanak-kanak) *Pahtu* [Selepas itu] dia punya penggerat tu untuk memisahkan tanah liat dari acuan. *Lepahtu* [Selepas itu] pemaut tu untuk dia punya *nok* [nak] buat penyangkut [cangkuk] tu. *Tu jah alatan dia nyo* [Itu sahaja alatan dianya].

**SFN : Ada guna mesin?**

PNJ : Mesin untuk menguli. Dulu Kak Ani mohon mesin untuk keluarkan kepingan bata dari uli tanah sampai ke keluar kepingan. *Tapi* [Tetapi tidak tercapailah cuma boleh untuk mesin menguli sahaja. Jadi sekarang ni *duk tengoh carilah* [tengah mencari] mana-mana agensi *hok buleh* [yang boleh] bantu untuk mengeluarkan kepingan. Sebab kraftangan *doh* [sudah] bagi untuk kepingan tapi lambat.

**SFN : Mesin yang kat depan bengkel tu ke?**

PNJ : *Ha'ah* [mengiyakan].

**NNF : Boleh Kak Ani ceritakan macam mana proses pembuatan atap singgora?**

PNJ : Proses dia pertama kena cari tanah yang sesuai dari sawah padi yang dekat dengan sungai air masin. *Lepahtu dulu* [Selepas itu dahulu] sebab bengkel berhampiran dengan sawah padi kita guna- angkut dia punya kepingan tu pikul *wak* [bawa] masuk dalam bengkel. *Tapi* [Tetapi] sekarang ni disebabkan Kak Ani berpindah jauh daripada sawah padi jauh dari tanah yang *nok* [nak] ambil tu Kak Ani guna teknologi moden iaitu *keh nga lori* [jentolak dan lori]. Cuma Kak Ani terima sini- tenaga manusia cuma di sini *jah* [sahaja]. *Lepahtu* [Selepas itu] masuk tanah dalam bengkel, siap untuk diuli. Uli tu *dulu* [dahulu] penggunaan manual uli guna kaki- pijak *tapi* [tetapi] sekarang *ni* [ini] Kak Ani ada mesin, Kak Ani buat guna mesinlah. Lepas pada uli tanah sudah lumat untuk keluarkan kepingan. Kepingan tu Kak Ani jemur, jemur kalau untuk penjemuran tu kalau hari biasa suhu biasa *dale* [dalam] sejam. Lepas angkat Kak Ani akan proses untuk mengetuk atau kemaskan, Kak Ani akan *biley* [kira] *sepuluh* [10] keping satu tangan tujuan untuk senang nak simpan nak tahu berapa Kak Ani perlu bakar, berapa Kak Ani dapat, berapa Kak Ani boleh keluarkan. *Lepastu* [Selepas itu] untuk pemindahan dari dapur ke lori untuk nak isi hantar ke mana-mana senang kita nak *biley* [kira]. *Lepastu* [Selepas itu] Kak Ani akan bakar *pah* [selepas itu] untuk pasaran. (bunyi kanak-kanak menangis)

NNF : **Bagi Kak Ani, apakah proses yang paling susah untuk dilakukan semasa pembuatan atap ini?**

PNJ : Pembakaranlah. Paling susah sebab masa nak isi dalam dapur ni perlu tenaga mahir, betul-betul mahir betul-betul kemas. *Lepahtu* [Selepas itu] kalau

penjagaan api- kalau tidak jaga rapi tidak akan menghasilkan bata yang elok. Ia akan retak *ko* [atau] mentah.

**SFN : Untuk proses pembakaran ni Kak Ani uruskan sendiri ke?**

PNJ : *Bukey, Kak Ani gaji oranglah* [Bukan, Kak Ani upah oranglah]. Cuma kita ni pemantauanlah.

**NNF : Berapa lamakah masa yang diambil untuk membakar dan menjemur atap singgora? (bunyi motosikal)**

PNJ : Kalau dulu untuk *tigo puluh ribu* [30 000] keping masa arwah tahun sebelum 2010, *tigo* [3] bulan Kak Ani boleh keluarkan *duo* [2] kali pengeluaran. *Tapi* [Tetapi] sekarang ni *tigo* [3] bulan belum tentu lagi satu pengeluaran. Sebab *pekerja la* [kekurangan pekerja] (bunyi mesin cat)

**NNF : Kebiasaan dalam masa sehari, berapa banyak anggaran atap yang Kak Ani boleh hasilkan?**

PNJ : Untuk *tigo* [3] orang pekerja tu Kak Ani boleh la dari *seribu* [1000] ke *seribu limo ratuh* [1500] keping *sari* [sehari] kalau semua pekerja tu datang *belako* [semua].

NNF : **Adakah Kak Ani membuat atap ini setiap hari ataupun jika mendapat tempahan daripada pelanggan sahaja?**

PNJ : Buat dari 2002 *kemari* [sehingga hari ini] *tak* [tidak] pernah berhenti lagi. *Kalu* [Kalau] nak cuti pun cuti sendirilah.

NNF : **Adakah Kak Ani mempunyai pelanggan tetap?**

PNJ : Dulu ada pelanggan tetap *tapi* [tetapi] sekarang ni *takdok doh* [sudah tiada]. *Ni ramai hok baru-baru, hok baru berkecimpung dale perniagaan hok nok buat resort, jenis kontraktor hok ambik tender wokah.* [Sekarang ini ramai pelanggan baru yang nak baru mula dalam perniagaan seperti pembinaan resort, kontraktor yang ambil tender pembinaan wakaf].

NNF : **Adakah Kak Ani pernah menghadapi masalah semasa berurusan dengan pelanggan?**

PNJ : *Buat maso loni takdok lagi* [Buat masa sekarang tiada lagi]. Bab hutang pun *takdok* [tiada]. Jadi apabila berurusan lebih baik daripada yang kita jangkakan. Sebab Kak Ani *tak* [tidak] minta deposit sebab Kak Ani *nok* [nak] selesai *bare* [tempahan] dulu baru Kak Ani ambil duit.

- NNF** : **Adakah Kak Ani menjadi pembekal kepada mana-mana pihak?**
- PNJ : *Takdok bekal* [Tiada pembekal]. *Bekal ko ahli-ahli biasa jah* [Pembekal kepada ahli-ahli biasa sahaja].
- NNF** : **Adakah Kak Ani mempunyai pesaing lain dalam bidang ini?**
- PNJ : *Takdok* [Tiada]. Kak Ani satu-satunya *saja* [sahaja] di Malaysia. (ketawa kecil)
- NNF** : **Bagaimanakah cara puhan menghantar atap singgora yang sudah siap kepada pelanggan?**
- PNJ : *Kade-kade* [Kadang-kadang] pelanggan mari ambil, *kade-kade* [kadang-kadang] tu Kak Ani hantar kalau untuk *limo ribu* [5000] keatas Kak Ani sewa lori sinilah *gi* [pergi] hantar. Dulu cara penghantaran isi *dale* [dalam] lori terus ke tempat pembeli. Kak Ani kena bawa ramai pekerja untuk mengangkat atap tu. Pernah sekali Kak Ani hantar bata ke Hulu Langat, eh Hulu Langat-- *buket* [bukan] Tanjung Karang, hantar ke sana *duo puluh ribu* [20 000] keping. Kak Ani bawa *sebelas* [11] orang pekerja. *Pahtu* [Selepas itu] sekarang ni Kak Ani dah dapat penggunaan kotak untuk isi dalam kotak *bubuh* [masukkan] dalam lori. Jadi perlu *duo* [2] orang pekerja, *tigo* [3] orang sekali dengan pemandu lori, *takdok* [tiada] masalah la sekarang *ni* [ini].

**SFN** : **Biasa satu guna lori tu ke?**

**PNJ** : Ya satu lori. Satu kotak tu *seratuh duo puluh* [120] keping, jadi Kak Ani kena guna *sembiley puluh* [90] kotak untuk *sepuluh ribu* [10 000] keping.

**NNF** : **Adakah pernah pelancong datang melawat untuk melihat cara pembuatan atap singgora ini?**

**PNJ** : Ya adalah dari Rusia, dari China dari Jepun, pelajar-pelajar dari USM ramailah, Singapura pun ada. Jadi sekarang *ni* [ini] Kak Ani terlibat dengan satu resort di Terengganu, Terapuri Resort. *Owner* [Pemilik] resort *tu* [itu] untuk meleriskan dia punya resort dia guna jadual. Jadual tu bila orang menginap kat resort dia, dia akan *bowok* [bawa]- (suara orang bercakap) dia akan *bowok* [bawa pelancong] ke sini la untuk tengok *proses* [pembuatan atap]. Kebanyakan pelancong dari Singapura, China.

**NNF** : **Kak Ani ada tak promosikan atap singgora ini secara *online* [atas talian]?**

**PNJ** : Ya sekarang *ni* *banyaklah* [banyaklah] guna FB [Facebook].

**NNF** : **Selain dari FB [Facebook], Kak Ani gunakan platform apa lagi untuk mempromosikan perniagaan Kak Ani?**

**PNJ** : Sekarang *ni* [ini] Kak Ani ada e-kraf bazar di bawah Kraftangan Malaysia.

NNF : **Siapakah yang bantu Kak Ani menguruskan platform tersebut?**

PNJ : Kalau e-kraf bazar ni pegawai dari kraftangan. Kalau *dale* [dalam] FB [Facebook] ni anak Kak Ani sendiri. (bunyi motosikal)

NNF : **Kak Ani ada tak menerima sumbangan daripada mana-mana pihak?**

PNJ : *Takdok* [Tiada]. *Dari kraftangan jah banyak.* [Hanya dari kraftangan sahaja]

NNF : **Apakah cabaran yang puan pernah hadapi semasa menjalankan perniagaan atap singgora ini?**

PNJ : *Cabaran gak untuk bersaing dengan atap-atap moden ni* [Cabarannya ialah persaingan dengan perniagaan atap moden]. (bunyi orang batuk)

NNF : **Adakah perniagaan Kak Ani terjejas semasa negara kita dilanda Covid-19?**

PNJ : Alhamdulillah walaupun dilanda Covid-19- sebab sebelum Covid-19 Kak Ani terima banyak tempahan, jadi dalam masa Covid-19 tu Kak Ani boleh buat *kijo* [kerja] cuma PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] 1.0 tu semua dikenakan cuti *key* [kan], dikenakan tutup premis kerajaan ataupun premis sendiri kena tutup jadi sebulan tu *jelah* [sahaja] Kak Ani terlibat. *Pahtu gak* [Selepas itu] curi-curi la minta dengan polis tu-- jadi masa PKP [Perintah Kawalan Pergerakan]

Alhamdulillah tidak menjadi masalah. Jadi *marketing* [pemasaran perniagaan] Kak Ani sama sebab Kak Ani terima tempahan sebelum PKP [Perintah Kawalan Pergerakan]. Jadi masa PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] tu, *kalu demo nok cepat pun demo tokleh tekey* [kalau pelanggan nak cepat pun mereka tidak boleh memaksa], kita *buleh wak* [boleh buat] alasan kita PKP [Perintah Kawalan Pergerakan].

**NNF : Kiranya masih mendapat tempahan masa Covid-19?**

PNJ : Ya, masih.

**SFN : Masa Covid-19 tu macam mana nak hantar?**

PNJ : Nak hantar tu guna surat polislah.

**NNF : Ohh [mengangguk]. Bagaimana cara Kak Ani mengatasi cabaran tersebut?**

PNJ : Kena melibatkan dengan polis, Kementerian Kesihatan. Banyak masalahlah. Yang tak pernah kita hadapi, kita kena hadapi.

NNF : Adakah terdapat perbezaan pembelian atap ini semasa puan mula-mula memulakan perniagaan sehingga kini?

PNJ : Masalah *gapo eh* [apa maksudnya]?

SFN : Ada beza tak orang zaman dahulu dengan sekarang --- [Kak Ani bersempang dengan jiran]. Ada beza tak orang beli atap ni dari zaman Kak Ani mula niaga dulu sampai sekarang?

PNJ : *Takdok* [tiada] beza. Sama *jah* [sahaja]. Cuma penggunaan ni lah, kalau *hok* [yang] jenis gazebo tu dia sikit, kalau jenis *hok* [yang] kontraktor tu *banyak* [banyak] sikit.

**TAMAT BAHAGIAN 5**

## **BAHAGIAN 6: PENDAPAT DAN HARAPAN**

**SFN** : Sekarang kita masuk kepada bahagian pendapat dan harapan. Apakah harapan Kak Ani yang masih belum tercapai?

**PNJ** : Harapan cuma satu anugerah lagi dari Kraftangan Malaysia, Kak Ani tak dapat Anugerah Tokoh Kraf. Tokoh Kraf ni apabila dapat anugerah tu dia paling tertinggi dalam kraftangan. Dia tiga anugerah, Tukang Ulung [pengiktirafan oleh Kerajaan sebagai seorang yang berpengalaman luas, mahir dan mempunyai pengetahuan teknikal dari segi sesuatu pembuatan kraf] Kak Ani dah dapat. Peringkat pertama Adiguru baru dapat. Tukang Ulung dia bagi inisiatif *sepuluh ribu* [RM10 000] untuk kita. Adiguru dia bagi mula-mula *lima ribu* [RM5 000] *pah* [kemudian] gaji bulanan dalam masa *dua* [2] tahun *lima ratus* [RM500] sebulan. Kalau Tokoh Kraf ni seumur hidup gaji kita. Jadi tulah harapan loni [sekarang ini] *pahtu gak* [selepas itu pula] minta ada individu apa-apa *hok* [yang] ada lebih tahu lebih arif pada Kak Ani tentang perniagaan *gapo* [apa] minta bantuan mereka lah.

**SFN** : Apakah pandangan Kak Ani mengenai kerjaya membuat atap ini pada masa sekarang?

**PNJ** : Pandangan (jeda) (suara menyampuk) untuk lebih lagilah--- (suara menyampuk) untuk pencapaian yang lebih lagilah untuk pandangan Kak Ani *gak* [lah] nak suruh permintaan yang tinggi, Kak Ani dapat merebut peluang-peluang *hok* [yang] depan lagilah. Kalau ada peluang-peluang apa-apa Kak Ani dapatlah.

SFN : **Pada pendapat Kak Ani, apakah sikap yang perlu ada untuk seseorang itu untuk mereka yang nak ceburi bidang buat atap ni?**

PNJ : Sikap kalau ada kena ada sabar, kena ada kuat pahtu kena pemikiran terbuka sebab kita kena hadapi dengan *customer* [pelanggan] *hok* [yang] berbagai kerenahlah. Sabar sebab dalam *pembikinan* [pembuatan] atap bata ni sebab kita ni walaupun pembekal kena hadapi pembekal kita *pulok* [pula]. Sebab daripada kayu api *gapo* [apa] ni, Kak Ani ada masalah baru ni sebab banjir *key* [kan] kalau kira Kak Ani boleh buat keluar dah bata ni. Kak Ani boleh bakar dalam tengah-tengah bulan *dua belas* [12] tapi kes kayu tu hampir sebulan Kak Ani *duk caro ko* [sedang ambil kisah ke] kayu.

SFN : **Banjir baru ni---**

PNJ : Banjir baru ni kawasan Kak Ani *takdok* [tidak ada] banjir cuma air-air baruh [air dari sawah] tulah (bunyi kereta disusuli bunyi mesin). Sini kalau tenggelam, tenggelam Malaysia habis. (ketawa kecil)

SFN : **Pada pandangan Kak Ani, bagaimanakah cara untuk kitakekalkan warisan seni atap singgora ni?**

PNJ : *Caro dio gak* [Cara dia itu] sambutan dari orang luar *pah* [kemudian] kena ada promosi yang berlebihan. Lebih promosi- kena kuat promosi. *Pah* [Kemudian] dari kerajaan yang berkaitan macam Universiti, dia kena ada galakan pelajar-pelajar dia tu buat tesis *gapo* [apa]. *Pah* [Kemudian] dari segi pelancong-pelancong tu Tourism Malaysia [sebuah agensi di bawah Kementerian

Pelancongan Malaysia] kena ada jadual dia tu tempat-tempat menarik yang perlu dilawati.

**SFN** : **Soalan seterusnya, apakah nasihat Kak Ani kepada golongan muda yang ingin menceburi bidang ini?**

**PNJ** : Nasihat *gak* [itu]- *ho* [mengiyakan] lah kena rajinlah sebab *loni* [sekarang ini] kalau *pok-pok mudo gak sero takdok hok* [golongan-golongan muda pula rasa tidak ada yang] berminatlah termasuklah anak Kak Ani sendiri. Jadi nasihat kepada orang muda, kerja- (jeda) (bunyi mesin) kerja ni berat kalau kita nak *kiro* [banding] dengan kerja pejabat, pejabat dia guna fikiran, kita ni kena guna stamina. Kena betul-betul kuat, fikiran pun kena tenang *tokleh* [tak boleh] lah nak mari dengan serabut. Kalau serabut nak buat *kijo* [kerja] pun *susoh* [susah].

**SFN** : **Baiklah dengan berakhirnya soalan tadi, maka berakhirlah sesi temubual kita. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada Kak Ani kerana sudi menerima kedatangan kami dan meluangkan masa untuk kami. Kami mohon maaf (bunyi mesin terhenti) sekiranya ada salah silap sepanjang temubual ini berlangsung.**

**PNJ** : Okey, Kak Ani pun ucap terima kasihlah sebab Kak Ani sekarang ni *glamour* [terkenal] kerana budak *U* [Universiti] lah (bunyi ketawa) sebab Kak Ani kalau ada temubual Kak Ani akan ambil gambar. Gambar tu untuk masuk *dale* [dalam] Kraftangan Malaysia. Dari situ *demo* [mereka] nilai Kak Ani. Jadi apabila dia tahu aktiviti kita *lagu mano* [macam mana], untuk penggunaan geran *gapo* [ke] dia

tengok *kito setaro mano* [kita setara mana]. Apabila kita dah terima Adiguru, kita *tokleh tok* [tak boleh tak] bantu orang *hok* [yang] perlukan kita. Okey terima kasih kepada mana-mana Universiti *hok* [yang] terlibat dengan Kak Ani. Minta maaflah kalau ada-- *mugo* [kerana] Kak Ani ni orang kampung nak bagi *hujoh* [hujah] selebihnya *susoh jugok* [susah juga]. *Pahtu* [Selepas itu], doalah perniagaan Kak Ani lebih lagilah.

#### **TAMAT BAHAGIAN 6**

# LAMPIRAN

## LOG WAWANCARA

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b>		
0:52	Puan Noraini membccritahu nama penuh dan nama panggilan beliau.	Puan Noraini binti Jusoh  Nama panggilan Mok Long dan Kak Nik
1:11	Tempat asal dan tarikh lahir Puan Noraini	Kampung Pengkalan Baru, Bachok, Kelantan
1:33	Puan Noraini menceritakan latar belakang keluarganya	Anak pertama daripada 4 orang adik-beradik    Kampung Pengkalan Baru, Bachok, Kelantan  Hasan Samad (bekas suami)

		Pasir Puteh, Kelantan
		Mempunyai 5 orang cahaya mata
2:38	Puan Noraini menceritakan cita-cita semasa beliau bersekolah dahulu	Pembuat bata
3:41	Idola Puan Noraini	Ibu bapa

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN</b>		
3.56	Puan Noraini menceritakan sejarah pendidikannya.	Darjah 1 hingga tingkatan 5
4.07	Puan Noraini memberitahu nama sekolah beliau.	Sekolah Kebangsaan Pengkalan Chengal Sekolah Menengah Kebangsaan Beris Kubur Besar
4.26	Mata pelajaran yang diminati.	Pendidikan Islam
4.30	Tarikh tamat belajar.	Tahun 1983

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL</b>		
4.44	Puan Noraini menceritakan kerjaya awalnya.	Bantu ibu bapa dalam perniagaan atap

5.57	Gaji yang diperolehi semasa kerjaya awal.	Anggaran RM50 seminggu.
------	---	-------------------------

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 4: KERJAYA SEBAGAI TOKOH SERAMIK ATAP SINGGORA</b>		
6:38	Puan Noraini menceritakan permulaan beliau membuat atap singgora.	Beliau membuat atap singgora bersama-sama dengan ibu dan bapa beliau.
10:46	Prinsip hidup yang diterapkan oleh Puan Noraini	Bekerja kuat  Jangan takut kepada cabaran
11:00	Memberitahu siapa yang memberi tunjuk ajar beliau serta siapa yang berkebolehan untuk membuat atap singgora dalam ahli keluarganya.	Ibu bapa  Adik-beradik  Anak
11:19	Puan Noraini menceritakan mengenai bengkel pembuatan atap singgora.	Kampung Pengkalan Baru, Bachok, Kelantan  Bengkel peninggalan arwah bapa
14:22	Puan Noraini menceritakan bilangan tenaga pekerja dan ahli	Pekerja sepenuh masa seramai 4 orang

	keluarga yang turut membantunya dalam pembuatan atap singgora.	Puan Noraini dan ahli keluarganya seramai 4 orang
17.33	Puan Noraini menceritakan bahawa beliau pernah berkongsi pengalaman dengan media.	Yang Berhormat Raja Kamarul Bahrin Ariani Resort DIGI Siaran televisyen Akhbar
19.00	Puan Noraini pernah dipanggil untuk membuat demonstrasi	Kraftangan Kelantan Kota Bharu Jalan Conlay Pernah terlibat dengan demonstrasi di acara Kerabat Diraja di Pejabat Jubli Perak
21.19	Puan Noraini pernah ditemubual oleh para pelajar yang membuat kajian tentang atap singgora	Pelajar Universiti Malaysia Kelantan Pelajar Universiti Teknologi Seri Iskandar Pelajar Universiti Malaya Institusi Pengajian Tinggi Swasta

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 5: SERAMIK ATAP SINGGORA</b>		

28:13	Puan Noraini menjelaskan maksud singgora dan asal usul atap singgora.	<p>Singgora berasal daripada Songkhla, Thailand</p> <p>Tempat pembuatan bata atap di Segenting Kra, Selatan Thailand termasuk Narathiwat, Pattani, Yala</p>
31:36	Puan Noraini menerangkan mengenai reka bentuk berserta saiz atap singgora.	<p>Mempunyai banyak reka bentuk</p> <p>Berukuran 10 inci panjang dan 5 inci lebar</p>
34:26	Puan Noraini memberitahu kelebihan dan cara menjaga atap singgora supaya tahan lebih lama.	<p>Antik</p> <p>Unik</p> <p>Sejuk</p>
37.23	Puan Noraini menerangkan peralatan serta fungsi yang digunakan untuk membuat atap singgora.	<p>Acuan untuk cetak atap</p> <p>Pengerat untuk pisahkan tanah liat dari acuan</p> <p>Kekuda untuk letak bata</p> <p>Jangka untuk baiki ketebalan atap dalam acuan</p> <p>Pemaut untuk membentuk cangkuk</p> <p>Mesin digunakan untuk menguli tanah liat</p>
38.50	Puan Noraini menerangkan proses pembuatan atap singgora.	<p>Cari tanah yang sesuai</p> <p>Uli</p> <p>Jemur</p>

		Ketuk Bakar
45.19	Puan Noraini menceritakan bahawa pelancong pernah melawat untuk melihat cara pembuatan atap singgora.	Rusia China Jepun Singapura Pelajar USM
46.15	Puan Noraini menjelaskan cara pemasaran perniagaan atap singgora di atas talian.	Facebook E-kraf bazar

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 6: PENDAPAT DAN HARAPAN</b>		
50:03	Puan Noraini menyatakan harapannya yang masih belum tercapai.	Anugerah Tokoh Kraf
51:40	Pendapat Puan Noraini mengenai sikap yang perlu ada bagi mereka yang ingin menceburi bidang ini.	Sabar Pemikiran terbuka
52:45	Puan Noraini menyatakan pendapat beliau mengenai cara	Sambutan dari orang luar Galakan kepada pelajar Universiti

	untuk mengekekalkan warisan seni atap singgora.	
53:32	Nasihat Puan Noraini kepada golongan muda yang ingin menceburi bidang ini.	Rajin  Mempunyai fizikal dan mental yang kuat

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
2ptg – 5ptg	18 Oktober 2022	<u>Pemberian tugas</u>  Sesi pemberian tugas dan penjelasan mengenai tugas yang perlu dilakukan.	Mengambil kira semua aspek dan syarat-syarat yang perlu diikuti untuk melaksanakan tugas ini.
2ptg – 5ptg	1 November 2022	<u>Pemilihan tokoh</u>  Memilih tokoh yang bersesuaian dengan tema Tokoh Seniman Veteran dan Tokoh Seni Warisan Tempatan.	Setelah berbincang dan membuat sedikit pencarian melalui sumber Internet, kami mengambil keputusan untuk memilih Puan Noraini binti Jusoh yang merupakan pembuat atap singgora.
8malam-10malam	14 November 2022	Mencari maklumat yang mengenai tokoh dan juga atap singgora.	Kami mencari maklumat pencarian yang lebih terperinci mengenai Puan Noraini dan juga latar belakang atap singgora.  Kami mendapatkan nombor telefon Puan Noraini melalui laman Facebook yang digunakan untuk

			mempromosikan atau singgora.
10pg-11pg	29 November 2022	Menghubungi tokoh	Kami menghubungi Puan Noraini untuk mendapatkan persetujuan beliau untuk ditemubual. Setelah mendapat persetujuan beliau, kami juga telah mendapatkan 50ersam, masa dan tempat untuk ditemubual nanti.
5ptg-7ptg	6 Disember 2022	Penyediaan soalan temubual	Kami mencari maklumat yang berkaitan dan menyiapkan soalan untuk sesi temubual.
2ptg-3ptg	14 Disember 2022	Sesi semakan soalan temubual bersama pensyarah	Kami menunjukkan set soalan yang telah dibuat kepada pensyarah.
3ptg-4.30ptg	21 Januari 2023	Sesi temubual	Sesi temubual dilakukan bersama Puan Noraini bertempat di bengkel pembuatan atap singgora.
	22 Januari – 13 Februari 2023	Sesi menyiapkan transkrip	
	14 Februari 2023	Penghantaran transkrip lengkap kepada pensyarah	

## **SENARAI SOALAN**

### **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG**

1. Apakah nama penuh puan?
2. Apakah nama gelaran puan yang biasa orang panggil?
3. Bilakah tarikh lahir puan?
4. Berapakah umur puan sekarang?
5. Puan berasal dari mana?
6. Di manakah puan menetap sekarang?
7. Berapakah bilangan adik-beradik puan?
8. Puan anak yang ke-berapa?
9. Apakah nama penuh ibu dan bapa puan?
10. Dari manakah ibu dan bapa puan berasal?
11. Apakah nama suami puan?
12. Berapakah umur suami puan?
13. Dari manakah suami puan berasal?
14. Berapakah bilangan anak puan?
15. Apakah cita-cita puan semasa sekolah?
16. Adakah puan mempunyai idola yang diminati sejak dari kecil?

## **BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN**

17. Apakah pendidikan terawal puan?
18. Apakah nama sekolah rendah puan bersekolah dahulu?
19. Apakah nama sekolah menengah puan?
20. Selepas tamat sekolah menengah, adakah puan menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi?
21. Apakah mata pelajaran puan minat ketika sekolah dulu?
22. Bilakah puan menamatkan pengajian?

## **BAHAGIAN 3: KERJAYA AWAL**

23. Apakah pekerjaan mula-mula puan sebelum membuat atap singgora?
24. Berapa umur puan semasa mula-mula puan bekerja dulu?
25. Adakah puan masih ingat nama tempat kerja?
26. Di manakah tempat kerja tersebut terletak?
27. Berapakah gaji yang puan dapat semasa mula-mula bekerja?
28. Selain pekerjaan itu, puan ada lagi tak bekerja di mana-mana?

## **BAHAGIAN 4: KERJAYA SEBAGAI TOKOH SERAMIK ATAP SINGGORA**

29. Pada tahun bilakah puan mula membuat atap singgora?
30. Apakah perkara yang mendorong puan untuk menceburi dalam bidang kraftangan ini?
31. Apakah prinsip hidup yang puan selalu terapkan dalam kehidupan sehingga kini?
32. Dari manakah puan belajar cara membuat atap singgora?
33. Adakah ada di antara ahli keluarga puan yang mahir membuat atap singgora?
34. Adakah puan mempunyai bengkel sendiri untuk membuat atap singgora?

35. Berapakah anggaran wang modal yang diperlukan untuk menubuhkan bengkel tersebut?
36. Adakah puan mempunyai tenaga pekerja yang membantu untuk menghasilkan atap singgora?
37. Berapakah ahli keluarga puan yang turut membantu puan untuk hasilkan atap singgora ini?
38. Adakah puan pernah berkongsi pengalaman dan kerjaya puan dengan mana-mana media sebelum ini?
39. Adakah puan pernah dipanggil oleh mana-mana pihak untuk menunjukkan demonstrasi cara pembuatan atap singgora?
40. Boleh puan kongsikan apakah perasaan puan dan reaksi keluarga setelah puan mendapat gelaran Adiguru?
41. Adakah puan pernah menerima anugerah lain selain daripada gelaran Adiguru?
42. Adakah puan pernah ditemui bual oleh mana-mana pelajar yang membuat kajian mengenai atap singgora ini?
43. Adakah terdapat pihak media yang datang untuk meminta puan menunjukkan demonstrasi cara membuat atap singgora?
44. Adakah puan pernah menerima bayaran untuk mengajar siapa-siapa yang berminat untuk membuat atap singgora ini?
45. Apakah pengalaman manis puan sepanjang menceburi bidang ini?
46. Apakah perancangan puan terhadap perniagaan atap singgora ini pada masa akan datang?

## **BAHAGIAN 5: SERAMIK ATAP SINGGORA**

47. Apakah maksud singgora?
48. Adakah atap singgora ini berasal dari Thailand?
49. Apakah kegunaan atap singgora ini?
50. Adakah atap ini hanya boleh dipasang pada seni bina kayu sahaja?
51. Adakah atap singgora ini mempunyai satu reka bentuk sahaja?
52. Berkenaan dengan ukuran, adakah atap singgora ini terdapat saiz yang berbeza-beza?
53. Berapakah saiz bagi sekeping atap singgora?
54. Apakah kelebihan atap singgora ini?
55. Berapa lamakah atap ini mampu bertahan?
56. Bagaimana cara untuk menjaga atap singgora untuk kekal lama?
57. Bagaimanakah puan menetapkan harga bagi sekeping atap singgora?
58. Apakah bahan-bahan lain yang digunakan untuk membuat atap ini?
59. Untuk bahan-bahan membuat atap singgora, adakah puan cari sendiri ataupun puan mempunyai pembekal tetap?
60. Boleh puan namakan peralatan serta fungsi alat yang puan gunakan untuk membuat atap singgora?
61. Boleh puan ceritakan macam mana proses pembuatan atap singgora?
62. Bagi puan, apakah proses yang paling susah untuk dilakukan semasa pembuatan atap ini?
63. Berapa lamakah masa yang diambil untuk membakar dan menjemur atap singgora?
64. Kebiasaannya dalam masa sehari, berapa banyak anggaran atap yang puan boleh hasilkan?
65. Adakah puan membuat atap ini setiap hari ataupun jika mendapat tempahan daripada pelanggan sahaja?
66. Adakah puan mempunyai pelanggan tetap?

67. Adakah puan pernah menghadapi masalah semasa berurusan dengan pelanggan?
68. Adakah puan menjadi pembekal kepada mana-mana pihak?
69. Adakah puan mempunyai pesaing lain dalam bidang ini?
70. Bagaimanakah cara puan menghantar atap singgora yang sudah siap kepada pelanggan?
71. Adakah pernah pelancong datang melawat untuk melihat cara pembuatan atap singgora ini?
72. Puan ada tak promosikan atap singgora ini secara online?
73. Apakah platform yang puan gunakan untuk mempromosikan perniagaan puan ini?
74. Adakah puan ada menerima sumbangan daripada mana-mana pihak?
75. Apakah cabaran yang puan pernah hadapi semasa menjalankan perniagaan atap singgora ini?
76. Adakah perniagaan puan terjejas semasa negara kita dilanda Covid-19?
77. Bagaimana cara puan mengatasi cabaran tersebut?
78. Adakah terdapat perbezaan pembelian atap ini semasa puan mula-mula memulakan perniagaan sehingga kini?

## **BAHAGIAN 6: PENDAPAT DAN HARAPAN**

79. Apakah harapan puan yang masih belum tercapai?
80. Apakah pandangan puan mengenai kerjaya membuat atap singgora ini pada masa sekarang?
81. Pada pendapat puan, apakah sikap yang perlu ada untuk seseorang itu sekiranya mereka ingin menceburi dalam bidang pembuatan atap singgora ini?
82. Pada pandangan puan, bagaimanakah cara untuk mengelakkan warisan seni atap singgora ini daripada ditelan zaman?
83. Apakah nasihat puan kepada golongan muda yang ingin menceburi bidang ini?

# **SURAT**

# **PERJANJIAN**



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN**

Saya .....**NORAINI BINTI JUSOH**..... K/P:..... pada .....**21 Januari 2023**....dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak.  
Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh ( interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyalidik.

( PUAN NORAINI BINTI JUSOH )  
Tarikh: 21/1/2023

(Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)  
b.p. Penolong Naib Canselor  
Pengajian Sains Maklumat  
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik  
dan Media  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

## LAMPIRAN 1



Gambar 1: Anugerah Tukang Ulung



Gambar 2: Cenderahati sempena lawatan Pengarah Negeri ke Kelantan

## LAMPIRAN 2



Gambar 3: Salah satu anugerah yang diperoleh Puan Noraini

### LAMPIRAN 3



Gambar 4: Penyelidik sedang menemubual Puan Noraini



Gambar 5: Penyelidik bersama Puan Noraini binti Jusoh

# INDEKS

## A

- Acuan.....27, 31  
Adiguru.....18, 19, 41, 44  
Agensi.....24, 32, 43  
Air.....9, 30, 31, 32, 42  
Alatan.....31  
Antik.....29  
Anugerah.....18, 19, 21, 41  
Api.....14, 16, 22, 33, 42  
Ardex.....12  
Arkitek.....17

## D

- Daerah.....25  
Dapur.....14, 16, 26, 33  
Demonstrasi.....18, 20, 21  
Deposit.....35  
  
**G**  
Gaji.....9, 33, 41  
Garam.....30, 31  
Gazebo.....28, 40  
Geran.....14, 24, 44

## B

- Bachok.....2, 12, 26  
Bahan.....12, 30, 31  
Bakar.....22, 33, 42  
Bata...4, 9, 11, 12, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 22, 23, 25, 26, 27, 29, 31, 32, 33, 36, 42  
Bengkel.....9, 12, 13, 14, 15, 21, 26, 27, 32  
Besi.....27  
Besut.....26  
Bumbung.....26, 28

## H

- Hulu Langat.....36  
  
**I**  
IKS.....24  
Interview.....20  
  
**J**  
Jalan Conlay.....18  
Jepun.....37

## C

- China.....37  
Covid-19.....38, 39

**K**

- Kampung....2, 3, 4, 9, 11, 12, 24, 26, 29, 44  
Kayu.....14, 16, 27, 30, 42, 59  
Kekuda.....31  
Kelantan.....1, 2, 4, 6, 12, 18, 19, 20, 24, 25, 26  
Kemboja.....27  
Kementerian Kesihatan.....39  
Kerajaan.....24, 26, 38, 41, 43  
Khazanah Nasional.....26

**L**

- Komuniti.....4  
Kontraktor.....27, 35, 40  
Kota Bharu.....9, 18  
Kraftangan Malaysia.....14, 15, 18, 21, 37, 41, 44  
Kuala Lumpur.....24

**M**

- Malaysia.....4, 12, 13, 14, 15, 17, 18, 19, 20, 21, 24, 25, 26, 27, 36, 37, 41, 42, 43, 44  
Media.....17, 20  
Melaka.....13, 27  
Mesin.....16, 24, 31, 32, 34, 42, 43, 44  
Modal.....14  
Muscovy.....29

**N**

- Narathiwat.....25

**P**

- Pattani.....25  
Pekerja.....15, 16, 20, 23, 24, 34, 36  
Pelanggan.....36, 39, 42  
Pelancong.....37, 43  
Pelajar.....1, 4, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 37, 43  
Pemaut.....31  
Pembekal.....31, 35, 42  
Pengerat.....31  
Peniaga.....24  
Penyangkut.....31  
Pesaing.....35

PKP.....	38, 39	T
Platform.....	37	Taman Mini Malaysia.....13, 27
Polis.....	4, 38, 39	Tanah liat.....31, 32
Premis.....	38	Tanjung Karang.....36
Proses.....	12, 14, 16, 32, 33, 37	Tempahan.....34, 35, 38, 39
		Tenaga.....12, 15, 32, 33
		Tender.....14, 27, 35
<b>R</b>		Terengganu.....17, 25, 26, 37
Raja Kamarul Bahrin.....	17, 25	Thailand.....25
Resort.....	17, 28, 35, 37	Tourism.....24,
River View.....	19	Rumbia.....14, 26
Rumah.....	15, 26, 27, 28, 29, 30	Rusia.....37
Rumbia.....	14, 26	<b>U</b>
Rusia.....	37	UiTM.....1, 19, 24
<b>S</b>		Uli.....32
Saiz.....	28	Unik.....29
Sawah.....	30, 32, 42	Universiti.....1, 19, 20, 21, 24, 43, 44
Segenting Kra.....	25	
Sekolah.....	4, 6, 7, 8, 9, 17	<b>V</b>
Seni bina.....	27, 28	VISA.....23
Singgora.....	1, 8, 11, 12, 13, 14, 16,	
	18, 19, 20, 21, 23, 25, 26, 28, 29, 32, 34, 36,	
	37, 38, 42	
Singapura.....	37	
Songkhla.....	25	

**W**

- Wakaf ..... 27, 35  
Warisan ..... 17, 24, 29, 42

**Z**

- Zink ..... 12, 14,

**Y**

- Yala ..... 25  
Yang Berhormat ..... 17, 25